

SUSUNAN WALI PERKAHWINAN



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

SUSUNAN WALI PERKAHWINAN

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan susunan wali perkahwinan dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. Wali ertinya orang yang berhak mengakadnikahkan seorang perempuan.
2. Susunan wali perkahwinan adalah mengikut keutamaan seperti yang berikut:
 - (a) bapa kandung (أب)
 - (b) datuk (bapa kepada bapa) dan ke atas [الجد (أب الأب)]
 - (c) saudara lelaki seibu dan sebapa (abang/adik kandung) [أخ شقيق (الأخ للأب والأم)]
 - (d) saudara lelaki (abang/adik) sebapa (أخ للأب)
 - (e) anak saudara lelaki seibu sebapa (ابن الأخ للأب والأم)
 - (f) anak saudara lelaki sebapa (ابن الأخ للأب)

- (g) anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa ke bawah (ابن ابن أخ شقيق)
- (h) anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa ke bawah (ابن ابن أخ لأب)
- (i) bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (عم شقيق)
- (j) bapa saudara sebelah bapa sebapa (عم لأب)
- (k) anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu) (ابن أخ شقيق)
- (l) anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu) (ابن أخ لأب)
- (m) anak sepupu lelaki seibu sebapa ke bawah (ابن ابن أخ شقيق)
- (n) anak sepupu lelaki sebapa ke bawah (ابن ابن أخ لأب)
- (o) bapa saudara bapa sebelah bapa seibu sebapa (datuk saudara) (عم الأ لأب والأم)
- (p) bapa saudara bapa sebelah bapa sebapa (datuk saudara) (عم الأب للأب)
- (q) anak lelaki datuk saudara seibu sebapa (ابن عم الأب للأب والأم)
- (r) anak lelaki datuk saudara sebapa (ابن عم الأب للأب)
- (s) anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara seibu sebapa ke bawah (ابن ابن عم الأب للأب والأم)
- (t) anak lelaki kepada anak lelaki datuk saudara sebapa ke bawah (ابن ابن عم الأب للأب)
- (u) bapa saudara datuk seibu sebapa (moyang saudara) (عم الجد للأب والأم)
- (v) bapa saudara datuk sebapa (moyang saudara) (عم الجد للأب)
- (w) anak lelaki moyang saudara seibu sebapa (ابن عم الجد للأب والأم)
- (x) anak lelaki moyang saudara sebapa (ابن عم الجد للأب)
- (y) anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara seibu sebapa (ابن ابن عم الجد للأب والأم)
- (z) anak lelaki kepada anak lelaki moyang saudara sebapa (ابن ابن عم الجد للأب)
- (aa) wali hakim / wali raja / wali sultan.

3. Kesalahan:

Mana-mana orang Islam yang tidak mematuhi perkara 2 ((a)–(aa)) di atas adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

[(78)dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]

Tarikh Warta : 20 Januari 2022

Tarikh Keputusan : 4 April 2021